

[THE ROLE OF FAITH AND THE APPRECIATION OF WORSHIP IN  
THE TRAVELOGUES 'PELUKIS JALANAN' AND 'ARKITEK  
JALANAN' BY TEME ABDULLAH BASED ON THE  
CONCEPT OF HUMAN DEVELOPMENT]

PERANAN AKIDAH DAN PENGHAYATAN IBADAH DALAM  
CATATAN KEMBARA 'PELUKIS JALANAN' DAN 'ARKITEK  
JALANAN' KARYA TEME ABDULLAH BERDASARKAN  
KONSEP PEMBANGUNAN INSAN

*Nurul Farahana Azman*

farahana144@gmail.com (Corresponding Author)

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

*Firuz-akhtar Lubis*

firuz@ukm.edu.my

Research Center for Arabic Language and Islamic Civilization  
Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia  
43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

**Abstrak**

Kajian ini membincangkan konsep pembangunan insan yang berhubung kait secara langsung dengan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam Teori Takmilah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengkaji karya Teme Abdullah iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan* sebagai sumber utama penganalisan. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan kerangka Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar bagi menganalisis catatan kembara Teme Abdullah di Kota London. Analisis yang telah dilaksanakan adalah berkaitan dengan konsep pembangunan insan yang boleh dicapai melalui dua aspek utama iaitu aspek akidah dan ibadah. Bagi aspek peranan akidah, hasil kajian mendapati bahawa konsep pembangunan insan dapat dilihat dan diaplikasikan oleh penulis melalui penghayatan terhadap konsep *tawhid al-uluhiyyah*, *tawhid asma' wa sifat* dan pengukuhan tauhid dari segi *lafaz hawqalah* dalam kehidupannya. Manakala bagi aspek penghayatan ibadah pula, penulis mengetengahkan ibadah khusus seperti solat dan puasa di samping ibadah lain iaitu sedekah dan ibadah kebajikan yang turut memberi kesan terhadap pembangunan personaliti seseorang individu. Menerusi keseluruhan analisis, dapat disimpulkan bahawa konsep pembangunan insan sememangnya mempunyai hubung kait yang sama dengan prinsip yang diketengahkan dalam Teori Takmilah. Oleh itu, hal ini mencirikan karya kembara kontemporari popular yang turut memaparkan ilustrasi lukisan tangan oleh Teme Abdullah yang menggunakan nama pena itu, sebagai sebuah karya sastera Islam.

**Kata kunci:** konsep pembangunan insan, teori Takmilah, akidah, ibadah, Teme Abdullah

**Abstract**

*This study discusses the concept of human development that is directly related to the Principle of Perfecting Self according to Takmilah Theory. This study is in qualitative form and uses the method of content analysis by analyzing Teme Abdullah's two masterpieces, which are Pelukis Jalanan and Arkitek Jalanan as the main sources of analysis. This study also uses the Takmilah Theory framework founded by Shafie Abu Bakar to analyze Teme Abdullah's travelogue in London. The*

analysis that has been carried out is related to human development that can be achieved through two main aspects, which are the aspects of faith and worship. As for the aspect of the role of faith, the results of the study found that human development can be seen and applied by the author through appreciation of the concept of tawhid al-uluhiyyah, tawhid asma' wa sifat and the strengthening of tawhid in terms of the word hawqalah in his life. As for the aspect of worship appreciation, the author highlights specific acts of worship such as prayer and fasting as well as almsgiving and charity, which also affect the development of an individual's personality. Through the entire analysis, it can be concluded that the concept of human development is indeed related to the principles highlighted in the Takmilah theory. Hence, this characterizes the popular contemporary travelogue that also displays hand drawn illustrations by Teme Abdullah who uses pseudonym, as a work of Islamic literature.

**Keyword:** the concept of human development, Takmilah theory, faith, worship, Teme Abdullah

Article Received:  
30 November 2021

Article Reviewed:  
30 December 2021

Article Published:  
31 December 2021

## PENGENALAN

Teori Takmilah merupakan sebuah teori sastra Islam yang telah digagaskan oleh Shafie Abu Bakar, iaitu seorang sarjana tempatan yang cukup terkenal dan juga mantan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Beliau telah menggunakan falsafah tauhid sebagai tunjang utama bagi pembinaan teori ini dengan mengemukakan tujuh prinsip keislaman secara keseluruhannya. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti Prinsip Ketuhanan Bersifat Kamal, Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil, Prinsip Keislaman Bersifat Akmal, Prinsip Ilmu dengan Sastra yang Bersifat Takamul, Prinsip Sastra yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah, Prinsip Pengkarya Mengistimakan Diri dan Prinsip Khalayak ke Arah Insan Kamil. Menurut Zaidi Ahmad et al. (2020: 19) menerusi artikel bertajuk *Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam*, kesemua prinsip di dalam teori ini mempunyai pertalian yang bersifat *vertical* dan *horizontal* iaitu berdasarkan kepada hubungan di antara manusia dengan Allah dan hubungan manusia dengan alam. Tambahan pula, Teori Takmilah juga telah digunakan oleh para pengkaji di Malaysia dalam menganalisis, memberi kritikan dan menilai secara langsung terhadap karya-karya sastra yang mempunyai nilai-nilai keislaman di dalamnya. Setiap manusia yang beragama Islam perlulah menerapkan nilai Islam di dalam diri masing-masing supaya sentiasa mendapat keredhaan Allah SWT dalam kehidupan (Kasmaizun & Kamariah, 2017: 101). Begitu juga dengan kajian ini, Teori Takmilah telah digunakan untuk meneliti Prinsip Pengkarya Mengistimakan Diri yang mempunyai pertalian dengan konsep pembangunan insan bersumberkan karya-karya Teme Abdullah.

Teme Abdullah adalah seorang arkitek dan penulis buku yang semakin menempah nama dalam dunia penulisan di Malaysia. Beliau mula dikenali oleh seluruh masyarakat disebabkan oleh bakat melukisnya yang tersebar melalui laman media sosial di *Instagram*. Tambahan pula, Teme juga telah berjaya menerbitkan karya pertamanya pada tahun 2016 yang bertajuk *Pelukis Jalanan* ketika masih menuntut pengajian dalam bidang seni bina di kota London. Seterusnya, beliau telah menyambung penulisan tersebut dengan menerbitkan karya kedua bertajuk *Arkitek Jalanan* pada tahun berikutnya. Apa yang lebih mengagumkan ialah walaupun tajuk kedua-dua buku tersebut yang langsung tidak menggunakan nama yang Islamik, penulisan-penulisan beliau banyak menerapkan nilai-nilai keislaman serta mengetengahkan unsur dakwah yang boleh diamalkan oleh para pembaca dalam kehidupan seharian. Oleh itu, beliau telah membuktikan bahawa kedua-dua karya tersebut mematuhi unsur-unsur keislaman seperti

yang digariskan dalam Teori Takmilah seterusnya mencirikan karya beliau sebagai sebuah karya sastera Islam.

Dalam konteks ini, teori sastera Islam dijelaskan oleh Rosa (2003) sebagai perkara-perkara kebaikan yang meliputi konsep zikrullah iaitu mengingati Allah, konsep *amr ma'ruf nahy munkar* (suruhan melakukan kebaikan dan meninggalkan kemungkaran), konsep cinta kepada Allah, Rasulullah, kaum Muslimin dan semua makhluk. Begitu juga dengan karya Teme Abdullah yang sesuai dikategorikan sebagai genre dakwah, beliau telah berjaya memuatkan penulisan-penulisannya dengan elemen dakwah secara langsung mahupun tidak langsung melalui plot penceritaan yang sangat menarik. Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Osman Ayob et al. (2020: 50) berjudul *Analisis Dakwah dalam Cerpen-cerpen Terpilih Rejab F.I.*, beliau menjelaskan bahawa dakwah berasal daripada perkataan Arab yang membawa makna sebagai seruan dan ajakan. Ia merupakan sebuah kegiatan yang dilakukan oleh manusia untuk mengajak orang ramai ke jalan Allah demi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Manakala konsep pembangunan insan yang boleh dicapai melalui aspek akidah dan ibadah seperti yang diketengahkan oleh penulis jelas memaparkan perbuatan dakwah yang bermatlamat untuk menarik para pembaca melakukan kebaikan dan meninggalkan larangan Allah (*amr ma'ruf nahy munkar*). Mesej-mesej kebaikan yang disampaikan oleh Teme dalam kedua-dua buah karyanya tidak dapat disangkal lagi boleh dikategorikan sebagai *da'wah bi al-qalam* (dakwah dalam penulisan). Justeru itu, dapat dilihat bahawa titik pertemuan di antara karya-karya yang dikaji dengan konsep sastera Islam adalah menerusi faktor seruan manusia ke arah kebaikan. Kedua-dua elemen ini jelas mempunyai perkaitan yang sama iaitu sebagai pemandu untuk membawa khalayak melaksanakan amalan-amalan kebaikan dengan meninggalkan larangan yang dicegah dalam Islam.

## PERNYATAAN MASALAH

Teme Abdullah merupakan seorang penulis yang mula terkenal disebabkan oleh penulisannya yang bertajuk *Pelukis Jalanan* (2016) dan *Arkitek Jalanan* (2017). Kedua-dua karyanya ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh semua masyarakat Malaysia disebabkan oleh gaya penulisannya yang agak santai namun sarat dengan unsur-unsur pembangunan insan yang dapat diambil iktibar oleh para pembaca. Elemen-elemen pembangunan insan yang diketengahkan oleh penulis secara tidak langsung mencirikan dua buah karya tersebut sebagai karya sastera Islam yang menepati Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam Teori Takmilah. Kenyataan ini disokong dalam sebuah akhbar bertajuk *Sastera Islam berasaskan teori Takmilah* yang ditulis oleh Zunaidah Zainon (2006: 18):

Istikmal merujuk kepada pengkarya yang perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu agama, sastera dan ilmu bantu yang lain. Dalam hal ini, sastera berperanan dalam menyempurnakan ilmu lain seperti sains, perubatan, kejuruteraan, geografi dan sejarah. Kebanyakan penulis mempunyai latar belakang seperti Aminah Mokhtar, seorang jururawat yang menghasilkan karya-karya berunsur agama (Zunaidah, 2006: 18).

Penyataan di atas dikukuhkan lagi dengan sebuah karya penulisan al-Bihi (1986) bertajuk *al-Qur'an wa al-Mujtama'*. Beliau menjelaskan bahawa konsep pembangunan insan boleh dicapai melalui pelbagai kaedah tertentu bagi mengelakkan seseorang daripada terjerumus ke lembah yang boleh merosakkan diri. Sebagai seorang pengkarya ataupun individu biasa yang sering terdedah dengan sifat yang melalaikan, mereka perlulah sentiasa menjalani latihan melalui proses mujahadah untuk mengubah diri ke arah insan yang lebih berkualiti.

Melakukan proses perubahan seterusnya pembangunan insan itu adalah suatu kemestian yang wajib dilakukan dalam institusi masyarakat umat Islam, kerana Islam adalah agama yang sentiasa menyeru penganutnya melakukan perubahan dan pembangunan, jika tidak mereka terbelenggu dengan unsur-unsur masyarakat yang mementingkan kebendaan dan umpama masyarakat Jahiliyyah (al-Bihi, 1986).

Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas, dapat disimpulkan bahawa penyempurnaan diri seseorang individu itu perlulah bermula dengan perubahan diri ke arah kebaikan yang mana secara tidak langsung ia berhubung kait dengan konsep pembangunan diri seorang insan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, konsep pembangunan insan boleh dicapai menerusi penambahbaikan diri seorang insan berdasarkan aspek akidah dan ibadah yang mana kedua-dua aspek ini merupakan tunjang utama bagi mencapai kesempurnaan dalam kehidupan. Jelaslah di sini menunjukkan bahawa Teme Abdullah bukan sahaja menghasilkan sebuah karya yang bergenre biasa. Malahan, metode-metode dakwah yang disampaikan menerusi penulisannya membuktikan karya-karya tersebut bertepatan dengan Teori Takmilah yang membawa kepada kesempurnaan sesebuah karya. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis hubung kait di antara Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dengan konsep pembangunan insan dalam karya Teme Abdullah menerusi aspek akidah dan ibadah.

## METODOLOGI

Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan kaedah analisis kandungan berbentuk kajian kualitatif. Kaedah ini digunakan bagi menganalisis Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam petikan karya Teme Abdullah dan seterusnya mengaitkan prinsip tersebut dengan konsep pembangunan insan melalui aspek akidah dan ibadah. Data yang dianalisis akan dihuraikan secara deskriptif atau penerangan supaya menepati keperluan kajian. Kajian ini akan menggunakan kerangka Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar bagi menganalisis data iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam catatan kembara Teme Abdullah di kota London. Oleh yang demikian, secara tidak langsung kajian ini akan melibatkan metode memperoleh sumber rujukan yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, Teori Takmilah yang dibangunkan oleh Shafie Abu Bakar mengetengahkan tujuh prinsip utama sebagai dasar kepada hubungan antara karya, pengkarya dan khalayak. Ketiga-tiga hubungan ini adalah bagi menerapkan sifat saling menyempurnakan antara satu sama lain dengan menjadikan tauhid sebagai tunjang utama mencapai kesempurnaan. Di samping itu, setiap prinsip seperti yang telah digariskan dalam Teori Takmilah mempunyai peranan dan matlamat akhir yang sama iaitu memandu karya sastera kepada unsur-unsur kelslaman. Prinsip-prinsip Teori Takmilah dapat dilihat melalui rajah di bawah.




RAJAH 1. Kerangka Teori Takmilah

Dalam meneliti dua buah karya Teme Abdullah yang utama iaitu *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan*, Teori Takmilah telah digunakan sebagai panduan utama menganalisis karya-karya tersebut sebagai sebuah karya sastera Islam. Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dipilih sebagai prinsip utama untuk dianalisis dalam kajian ini serta hubung kaitnya dengan konsep pembangunan insan yang boleh dicapai melalui aspek akidah dan ibadah.

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Kerangka konseptual ini dibina berdasarkan kepada fokus utama kajian iaitu analisis terhadap prinsip Teori Takmilah iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam karya Teme Abdullah yang berhubung kait dengan konsep pembangunan insan. Rajah di bawah menggambarkan secara ringkas tentang analisis kajian yang telah dijalankan.



RAJAH 2. Kerangka Konseptual

Berdasarkan rajah di atas, konsep pembangunan insan merupakan tema utama bagi menganalisis petikan di dalam *Pelukis Jalanan* dan *Arkitek Jalanan*. Seterusnya, kaedah bagi mencapai pembangunan insan dibahagikan pula kepada dua aspek utama iaitu akidah dan ibadah. Kemudian, beberapa isu tertentu yang didapati dari sumber

rujukan luar telah dikaitkan mengikut kesesuaian kedua-dua aspek berkenaan di samping dijadikan hujah untuk menguatkan lagi analisis yang dilaksanakan.

## ANALISIS PERANAN AKIDAH

Akidah memainkan peranan yang amat penting dalam hala tuju hidup Muslim. Hal ini kerana peranan utama akidah adalah untuk membina sahsiah dan jati diri seseorang individu kerana tanpa pegangan akidah yang kuat, manusia mudah terjerumus ke arah perkara yang boleh menyekutukan Allah. Akidah dari sudut bahasa bermaksud menyimpulkan, mengingatkan dan mengukuhkan yang berasal daripada kata *'aqada-ya'qidu-'aqdan* (Khasanah, 2018: 25). Manakala Nur Hidayat (2015: 24) menerusi bukunya iaitu *Akidah Akhlak dan Pembelajarannya* menyatakan bahawa istilah akidah dapat difahami sebagai keyakinan yang kukuh di dalam hati dan jiwa dengan membenarkan perkara-perkara wajib serta tidak bercampur dengan keraguan. Di samping itu, iman dan tauhid merupakan dasar utama bagi mencapai pegangan akidah yang kuat. Bertepatan dengan hadis riwayat Ibn Majah,

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: الإيمان معرفة بالقلب، وقول باللسان، وعمل بالأركان<sup>1</sup>

Maksudnya:

Iman itu ialah dipercayai dalam hati, diucapkan dengan lisan, dan diamalkan dengan perbuatan.

Berdasarkan hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua komponen iaitu iman dan tauhid saling berkait antara satu sama lain. Ia membawa maksud yang sama iaitu mengiktigad atau meyakini bahawa tiada sekutu bagi Allah kerana Dia merupakan Tuhan yang Maha Esa (Asmaran, 2002: 69).

### ***Tawhid al-Uluhiyyah***

Begitu juga dalam konsep pembangunan insan, seseorang individu perlu sentiasa mengamalkan ajaran-ajaran Islam seperti yang dianjurkan dalam al-Qur'an serta hadis Nabi SAW bagi menguatkan pegangan akidah dalam diri masing-masing. Apabila pegangan akidah semakin kuat dan mantap, maka lebih mudah untuk seseorang individu menangkis segala unsur negatif yang boleh menggoyah keimanan seterusnya membentuk insan yang kamil. Pemantapan akidah memberi kesan yang positif dalam diri setiap individu terutama dalam membina sahsiah yang berkualiti. Pegangan akidah yang kuat dalam diri Teme menunjukkan kesan bahawa dia sentiasa berhati-hati daripada membuat perkara yang boleh menggugat keimanan dan menyelewengkan akidahnya. Perkara ini dapat dilihat melalui petikan berikut,

Teme memberikan syarat yang dia hanya akan menyanyikan lagu yang dipersetujui olehnya sahaja. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan daripada menyanyi lagu-lagu yang mempunyai lirik yang boleh menggugat akidah. Kadangkala dia terpaksa menyanyikan lagu yang terlalu mengagungkan wanita, mengagungkan cinta dunia lebih daripada segalanya, dia tidak selesa dengan situasi ini (Teme, 2016: 81-82).

---

<sup>1</sup> Ibn Majah, *Sunan Ibn Majah*, Kitab al-Muqaddimah, hadis no. 68.

Dalam konteks persembahan lagu, Teme mempunyai prinsipnya yang tersendiri iaitu dia perlu mengelakkan diri daripada menyanyikan lagu-lagu yang mempunyai lirik berunsurkan akidah yang menyeleweng. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Mohamad Kamil dan Muhammed (2008: 105) dalam artikel bertajuk *Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik Sebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal*. Menurutnya, usaha bagi mencapai ketenangan dan pengabdian diri kepada pencipta khususnya melalui seni muzik dilihat mulai menyimpang daripada matlamat sebenar. Hal ini disebabkan oleh nilai-nilai murni dan unsur-unsur yang kurang sihat semakin bercampur dan bertembung antara satu sama lain yang seiring dengan seni muzik. Sebagai contoh, mesej utama yang diserapkan dalam sebahagian lirik-lirik seperti mesej anti ketuhanan atau agama seterusnya menolak sama sekali kewujudan Tuhan merupakan antara salah satu faktor pemesongan aqidah seseorang serta secara tidak langsung boleh menyebabkan berlakunya murtad (*riddah*) (Abdullah, 2006: 150).

Justeru itu, jelaslah prinsip yang dipegang oleh Teme ini bertepatan dengan pandangan Azman Bado et al. (2018: 61) dalam artikelnya bertajuk *Unsur-unsur Akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa*. Beliau menyatakan bahawa menjauhkan diri daripada segala perbuatan yang boleh merosakkan akidah seperti mensyirikkan Allah SWT adalah terangkum dalam maksud akidah yang betul. Tambahan pula, amalan kebiasaan iaitu menyanyikan lagu-lagu tanpa mendalami maksud liriknya yang sebenar boleh memberi kesan yang negatif dari sudut pegangan akidah seseorang Muslim. Berkemungkinan amalan ini secara tidak langsung boleh membawa kepada percanggahan dengan konsep *tawhid al-uluhiyyah*. Menurut Siti Sa'adiah dan Nor Suhaily (2009: 86) dalam penulisan artikel berjudul *Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam, tawhid al-uluhiyyah* bermaksud tidak boleh sekali-kali seseorang makhluk menyekutukan Allah kerana hanya Dia sahaja yang paling berhak disembah. Tauhid ini berkaitan dengan rasa pengharapan, takut, tawakal dan lain-lain yang termasuk dalam perbuatan ibadah bagi Allah (Ibn Taymiyyah & Muhammad, t.th.: 4). Keputusan yang dibuat oleh Teme iaitu mengelakkan diri daripada menyanyikan lagu-lagu yang mempunyai unsur penyelewengan akidah jelas membuktikan bahawa dia berjaya mengaplikasikan konsep *tawhid al-uluhiyyah* dalam dirinya.

Pengaplikasian akidah yang betul ini juga menunjukkan kesan dalam diri Teme bahawa dia merasa tidak selesa dengan perkara mungkar yang dilakukan. Hal ini demikian kerana pengagungannya terhadap Allah melebihi pengagungan terhadap perkara keduniaan seperti wanita. Perbuatan mengagungkan wanita yang dimaksudkan oleh Teme adalah deskripsi secara fizikal iaitu mengagungkan tubuh wanita. Pendapat Teme ini selari dengan kata-kata Mulvey (1975) dalam bukunya bertajuk *Visual Pleasure and Narrative Cinema. Film Theory and Criticism: Introductory Readings*, iaitu kaum perempuan sering ditampilkan sebagai objek yang memiliki keindahan dan ditonjolkan melalui susuk tubuh yang cukup menggoda. Perkara ini bertentangan dengan syariat Islam yang mana keseluruhan tubuh wanita itu merupakan aurat kecuali muka dan tapak tangan. Melalui kesedaran Teme terhadap perkara ini, dapat disimpulkan bahawa beliau telah berjaya mengaplikasikan Prinsip Pengkarya Mengistimakan diri sebagaimana yang digariskan dalam Teori Takmilah melalui pengamalan dan penyempurnaan diri dengan syariat-syariat Islam. Oleh itu, lirik lagu yang terlalu memuja tubuh wanita secara tidak langsung boleh memesongkan akidah seseorang kerana seseorang individu itu dianggap sebagai menerima dan redha terhadap perkara yang dilarang oleh Allah SWT apabila menyanyikan bait-bait lirik tersebut.

### ***Tawhid Asma' wa Sifat***

Penghayatan akidah dalam kehidupan turut mempengaruhi sikap seseorang dalam menghayati sifat-sifat kebesaran serta keagungan Allah. Penghayatan terhadap *tawhid asma' wa sifat* menerangkan kesuburan zat Allah yang kekal padanya seperti sifat-sifat

ketinggian, kecantikan, keagungan, kesempurnaan dan seterusnya menonjolkan pegangan akidah dari sudut ini. Semua sifat itu membuktikan bahawa tiada sedikit pun kekurangan bagi Allah SWT dan hanya kepadaNya berhak disembah (Siti Sa'adiyah & Nor Suhaily, 2009: 89). Sebagaimana disebut di dalam al-Qur'an Surah al-A'raf 7:180,

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَا ۚ وَذَرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadanya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-namaNya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.

Kesemua 99 nama Allah yang dikenali sebagai *al-Asma' al-Husna* menunjukkan keelokan dan kecantikan maknanya bagi Allah di samping mencirikan sifat-sifatNya yang sempurna dari segenap aspek. Melalui penghayatan Teme terhadap sifat-sifat kesempurnaan Allah, jati dirinya sebagai seorang insan dapat dibangunkan kerana dia sentiasa dapat mengingatkan diri akan kelemahan hamba sedangkan Allah sahaja bersifat dengan segala kekuatan dan kecantikan. Perihal sedemikian dinyatakan pengarang seperti contoh di bawah,

“Dah orang puji, tipu lah kalau tak rasa suka sikit. Tapi buat apa nak bangga? Jika terlihat kecantikan, ingatlah Penciptanya. Dia yang sebenar-benarnya hebat. Kalau Dia tarik pinjaman kecantikan ini, apa yang tinggal pada kita?” “Uish, aku suka ayat tu. Aku nak kau tulis, ‘Jika terlihat kecantikan, ingatlah Penciptanya’ di bawah lukisan kau” (Teme, 2016: 181).

Teme berpendirian teguh bahawa sifat-sifat kesempurnaan seperti kecantikan dan kekuasaan itu hanya layak bagi Allah SWT sahaja. Bagi mensyukuri nikmat yang diperolehi, dia sebagai manusia sentiasa mengingati bahawa Allah merupakan asbab kepada perolehan sesuatu kelebihan itu dan segala pujian haruslah berbalik kepada Allah semula.

Azman Bado et al. (2018: 61) dalam artikelnya iaitu *Unsur-unsur Akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa* mengatakan bahawa Allah SWT berkuasa menurunkan rahmat kepada sekalian makhluknya di muka bumi ini dengan sifat kehendak dan kudratNya. Semua rahmat yang diturunkan oleh Allah kepada hambaNya adalah untuk melihat sejauh mana mereka bersyukur dan semata-mata untuk menguji manusia di atas nikmat yang diberikan. Oleh sebab itu, kemungkinan sikap Teme yang tidak berbangga dan sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diperolehi itu menunjukkan bahawa dirinya lebih meyakini bahawa Allah akan mengurniakan lebih banyak keberkatan atas semua nikmat tersebut jika dia memupuk diri untuk terus bersyukur kepada Allah.

Selain itu, ungkapan yang dikeluarkan oleh seseorang dalam memuji sifat Allah membuktikan penghayatannya terhadap keagungan alam ciptaan Tuhan. Frasa bahasa Arab yang sering diucapkan oleh seseorang iaitu “*haza min fadhli rabbi*” yang bermaksud “semua ini kurniaan dari Tuhanku” sangat sinonim dengan ungkapan Teme dalam petikan karya *Pelukis Jalanan* iaitu “Jika terlihat kecantikan, ingatlah Penciptanya.” Dia sentiasa mengingatkan diri serta tidak lupa bahawa kelebihan yang diperolehinya adalah kurniaan daripada Allah. Jika Allah tidak mengurniakan kelebihan tersebut padanya, maka dia hanyalah seorang hamba yang lemah dan tidak mempunyai apa-apa.



## **Lafaz *Hawqalah***

Konsep pengukuhan tauhid melalui lisan juga tidak kurang pentingnya. Hal ini kerana lafaz-lafaz yang dilontarkan secara lisan lebih menguatkan lagi keyakinan serta pegangan akidah terhadap Allah. Sebagai contoh, lafaz-lafaz yang memuji kekuasaan dan kebesaran Allah adalah seperti lafaz kalimah shahadah iaitu penyaksian bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu pesuruh Allah. Selain lafaz syahadah, Teme juga tidak ketinggalan menguatkan lagi keimanannya terhadap Allah melalui lafaz *hawqalah*. Perkara sedemikian dapat dilihat menerusi situasi yang dialami Teme ketika beliau diuji dengan kekurangan baki wang untuk menaiki bas menuju ke masjid bagi menunaikan solat subuh secara berjemaah. Hasil doa yang bersungguh-sungguh dan niat murni Teme untuk mengerjakan ibadah, Allah telah memudahkan urusannya apabila mesin yang sepatutnya menerima duit daripada para penumpang bas tersebut ditakdirkan untuk rosak. Disebabkan keadaan yang tidak terjangka ini, Teme terus melafazkan kalimah *hawqalah* sebagaimana yang ditunjukkan oleh pengarang berdasarkan petikan berikut,

“La haula wala quwwata illa billah...” Kadangkala, kita berdoa untuk dikurniakan sesuatu daripada Allah. Tetapi, Allah makbulkan dengan cara yang tidak dijangka oleh sang pendoa. Sungguh ajaib (Teme, 2017: 136)

Lafaz *hawqalah* seperti yang dilontarkan oleh Teme menunjukkan isyarat bahawa seseorang telah meyakini bahawa sesungguhnya Allah SWT sahaja yang berkuasa untuk memberikan perlindungan dan pertolongan kerana tidak ada daya dan kekuatan selainNya di dunia ini (Siti Yumnah & Abdul Khakim, 2019: 107). Menurut al-Ghazali (1993: 30) dalam kitab karangannya bertajuk *Ayyuha al-Walad*, bentuk keyakinan yang mendorong seseorang individu untuk mendukung sunnah lafaz adalah melalui penyaksian dalam bentuk lisan di samping ia bertujuan untuk memelihara diri daripada pengaruh golongan sesat atau ahli bid'ah. Zulkiple Abd Ghani dan Nor Salimah (2006: 8) turut menambah dalam artikel *Penghayatan Agama sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis terhadap Beberapa Pandangan al-Imam al-Ghazali* bahawa keyakinan tentang kewujudan zat, sifat dan segala perbuatan Allah SWT merupakan kandungan yang terangkum dalam lafaz tersebut.

Tambahan pula, konsep pengukuhan akidah melalui amalan lafaz-lafaz lisan secara tidak langsung dapat membawa kepada pembinaan sahsiah insan yang lebih berkualiti. Sebagaimana dalam penulisan *Penghayatan Aqidah dalam Kalangan Remaja, Satu Kajian* karya Khairul Hamimah (t.th.), lahirnya Mukmin yang benar-benar menghayati akidah dalam ruang lingkup kehidupan mereka akan terhasil daripada akidah yang sah. Cara yang diketengahkan oleh Teme ini bertujuan untuk melatih pembaca menggunakan lafaz-lafaz tersebut dalam kehidupan seharian di samping ia dapat mengukuhkan pegangan akidah seseorang individu walaupun melalui sekecil-kecil amalan.

## **ANALISIS PENGHAYATAN IBADAH**

### **Ibadah Solat**

Penghayatan ibadah oleh seseorang hamba terhadap penciptanya amat penting kerana ibadah dapat memandu individu ke arah pembinaan sahsiah yang berkualiti. Dalam konteks ini, penunaian ibadah khusus seperti solat merupakan satu bentuk ibadah yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam kerana ia tertakluk dalam rukun Islam yang wajib dipatuhi. Solat menurut al-Muhasibi (1984: 39) seperti yang termaktub dalam kitab

*Fahm al-Salah* bererti hubungan yang berasal dari perkataan *al-silah*. Hubungan secara kerohanian di antara hamba dan penciptanya adalah perkara yang dimaksudkan melalui kenyataan ini. Perkataan solat dari sudut bahasa membawa maksud doa (Ibn Manzur, 1956: 464-465). Dalam kitab *al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Shuja'* karya al-Sharbini (1940: 120), beliau telah menambah bahawa solat yang bermaksud doa itu iaitu doa ke arah kebaikan. Manakala solat dari sudut istilah atau pengertian *fuqaha'* pula didefinisikan sebagai beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan diakhiri dengan salam. Secara ringkasnya, ia dapat disimpulkan dengan beribadat kepada Allah SWT menurut syarat-syarat yang telah ditentukan (al-Sharbini, t.th.: 96). Selain solat secara bersendirian, solat secara berjemaah juga telah ditekankan oleh Rasulullah SAW sebagaimana sabda baginda,

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَدَىِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً<sup>2</sup>

Maksudnya:

Solat berjemaah itu lebih utama daripada solat sendirian dengan 27 derajat.

Menerusi hadis di atas, solat secara berjemaah itu lebih digalakkan kepada umat Islam kerana pahalanya melebihi 27 darjat. Seseorang individu Muslim perlulah sentiasa meyakini bahawa penunaian solat yang terangkum di bawah aspek ibadah juga merupakan salah satu cara diri seseorang insan itu boleh dibaiki dan mencapai tahap kesempurnaan sedikit demi sedikit selari dengan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri dalam Teori Takmilah. Oleh sebab yang demikian, walaupun sibuk menguruskan urusan pelajaran dan kehidupan di Kota London, perkara ini sekali-kali tidak membuatkan Teme lupa akan kepentingan solat secara berjemaah walaupun jauh berada di negara bukan Islam. Hal ini dibuktikan melalui petikan berikut,

Walau apa pun, Teme nekad untuk berjemaah di masjid pada hari itu kerana sudah hampir dua minggu dia tidak ke surau untuk solat berjemaah, selain daripada solat Jumaat. Dia merasakan seolah-olah dirinya terlampau mementingkan pembelajaran sehingga terlupa untuk meluangkan masa di masjid (Teme, 2017: 135).

Kelalaian manusia dengan urusan dunia di samping sifat manusia yang sering lupa menjadi faktor utama akan terlekanya seorang hamba dalam melaksanakan solat secara berjemaah seperti yang dituntut dalam Islam. Sifat manusia yang mudah lupa ini dikukuhkan lagi menurut pendapat Aat Hidayat (2017: 471) dalam artikel *Psikologi dan Kepribadian Manusia: Perspektif al-Qur'an dan Pendidikan Islam* bahawa kata manusia ataupun dipanggil insan berasal dari tiga perkataan iaitu *anasa* yang bererti melihat, meminta izin, dan mengetahui, *nasiya* yang bererti lupa dan *aluns* yang bererti jinak. Namun demikian, Teme menunjukkan teladan yang amat baik kepada pembaca iaitu dia bertekad dan berazam untuk solat berjemaah walaupun berada di *dar al-harb* iaitu negara di bawah kekuasaan orang bukan Islam (Ritaudin, 2015: 290). Ibadah solat mempunyai hikmah yang tersembunyi di sebalik kewajibannya terhadap orang Islam. Seperti firman Allah dalam Surah al-'Ankabut 29:45,

<sup>2</sup> al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Azan, hadis no. 645.

اَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ  
وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu al-Kitab (Al-Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain) dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Ayat al-Qur'an di atas telah dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah SAW yang juga memerihalkan hikmah yang terkandung di sebalik penunaian ibadah solat. Rasulullah telah bersabda,

مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتِ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا  
تَحُطُّ حَطِيئَةً وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً<sup>3</sup>

Maksudnya:

Siapa yang berwuduk di rumahnya, kemudian dia pergi ke masjid menunaikan solat fardhu, maka setiap dia melangkah dua langkah, langkahnya yang pertama menghapuskan satu dosa, sedangkan langkah yang kedua mengangkat darjatnya satu darjat.

Allah telah berfirman dengan jelas melalui Surah al-'Ankabut yang mana melalui ibadah solat, ia mampu menghadirkan rasa takut di dalam hati seorang hamba akan keagungan dan kebesaran Allah di samping mengingatkan manusia seolah-olah kita berada di hadapanNya. Oleh yang demikian, pendirian solat mampu mencegah manusia daripada melakukan kemungkaran di dunia (Muhammad Aiman, 2008: 41). Rasulullah SAW juga tidak ketinggalan menyebut bahawa mereka yang berusaha bersungguh-sungguh untuk berjemaah di masjid walaupun dengan hanya berjalan kaki, maka setiap langkah yang diturutinya itu akan dihapuskan dosa-dosanya kemudian diangkat darjatnya sebagai orang yang mulia.

Barangkali sikap Teme yang amat mementingkan solat itu sentiasa membuatkan dirinya mahu memperbaiki serta meningkatkan kualiti ibadahnya ke tahap yang lebih tinggi iaitu dengan memilih untuk solat berjemaah berbanding solat secara bersendirian. Oleh itu, apabila membicarakan tentang solat, Ahmad Hisham Azizan (2009: 75) dalam disertasinya berjudul *Solat dan Nilai-nilai Spiritual dalam Menangani Gelisah dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor* berpendapat bahawa kesan solat seperti peningkatan keimanan terhadap Allah, pendidikan fizikal, pembentukan rohani dan penyucian hati dapat dilihat dalam diri manusia. Solat mempunyai fungsi-fungsi tertentu lagi istimewa dalam kehidupan manusia di muka bumi ini di samping ia merupakan kewajipan yang harus ditunaikan oleh seorang hamba kepada penciptanya.

<sup>3</sup> Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Masajid wa Mawadi', hadis no. 1553.

## Ibadah Puasa

Puasa merupakan antara salah satu ibadah yang boleh dilazimi dan dilaksanakan dalam kehidupan seharian insan. Hal ini kerana terdapat pelbagai hikmah yang tersembunyi di sebalik ibadah puasa di samping ia dapat melatih diri menuju ke arah pengistikmalan diri. Contoh yang diungkapkan oleh pengarang adalah seperti berikut,

Sudah sebulan lebih dia makan nasi berlaukkan telur dadar bersama renjisan garam penyedap rasa. Berpuasa pada setiap hari dan makan hanya ketika berbuka. Alhamdulillah, waktu siang pada musim sejuk yang singkat memudahkannya untuk berpuasa (Teme, 2016: 135)

Disebabkan kesempitan wang di negara orang, Teme terpaksa mengikat perut dan berjimat cermat dengan cara berpuasa. Menurut Islam, ibadah puasa adalah menjauhkan diri dari melanggar ajaran Islam iaitu perbuatan-perbuatan yang tercela. Hikmah yang tersembunyi di sebalik ibadah puasa ialah kita mampu menahan atau mengendalikan diri dari segala keinginan hawa nafsu yang dapat menjerumuskan manusia kepada kerosakan dan kebinasaan. Kenyataan ini menunjukkan bahawa puasa bukan hanya sekadar menahan diri dari nafsu perut dan nafsu syahwat sahaja, bahkan terkandung pelbagai manfaat di sebalik pensyariatannya buat sekalian manusia (Abd Misno, 2020: 65). Dalam situasi ini, Teme membuat keputusan yang betul iaitu memilih untuk berpuasa berbanding melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah demi menghilangkan kesulitan tersebut.

Antara hikmah lain berpuasa adalah ia membentuk kesabaran. Kemungkinan sikap sabar yang boleh diaplikasikan oleh Teme dalam kehidupannya ialah bersabar dalam menghadapi musibah dan dugaan. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Baqarah 2:155,

وَلْتَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

Dan pasti kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa, dan buah-buahan. Dan, sampaikanlah kabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

Berdasarkan firman Allah di atas, ujian yang diberikan oleh Allah kepada Teme adalah berbentuk musibah kelaparan dan kekurangan harta. Hakikatnya, ujian-ujian yang dihadapinya itu adalah semata-mata untuk mengukur sejauh mana tahap keimanan dan kesabaran Teme dalam menghadapi musibah tersebut. Jika dia berjaya menghadapi ujian keduniaan ini dengan penuh kesabaran, maka Allah pasti akan memberikan khabar gembira buat hamba-hambanya yang bersabar kelak.

Tambahan pula, perkara yang dimaksudkan oleh Teme dengan musim sejuk lebih memudahkannya untuk berpuasa adalah kerana waktu siang pada musim sejuk adalah lebih pendek. Oleh itu, waktu terbenam matahari yang menunjukkan waktu bagi umat Islam berbuka puasa pula menjadi semakin cepat. Hal ini dibuktikan melalui tafsiran Ibn Kathir (1969: 438-442) dalam *Tafsir al-Quran al-'Azim* yang mana Allah memanjangkan tempoh waktu malam serta memendekkan tempoh waktu siang pada musim sejuk. Tambah Noor Hidayah (2013: 65) pula dalam disertasinya bertajuk *Penentuan Waktu Solat Isyak dan Subuh dalam Kapal Terbang Menggunakan Sky Quality Meter-Lens USB (SQM-LU): Kajian bagi Carta Perjalanan Kapal Terbang Malaysia Airlines (MAS)*, beliau menerangkan,

Bagi kawasan yang berada di hemisfera Utara bumi, waktu siang akan berpanjangan bermula daripada 21 Jun iaitu pada musim panas. Siang yang berpanjangan pula akan berubah menjadi malam yang berpanjangan pada musim sejuk iaitu bermula dari 23 Disember. Fenomena ini terhasil daripada pergerakan ketara matahari di laluan ekliptik yang berkait rapat dengan perubahan musim sepanjang tahun (Noor Hidayah, 2013: 65).

Lantaran itu, dapat dibuktikan bahawa kejadian alam yang telah ditentukan Allah melalui perubahan musim itu saling berkait dan tidak bercanggah dengan ibadah puasa yang telah ditetapkan buat umat manusia. Hal ini kerana manusia lebih cenderung dan cepat berasa lapar ketika musim sejuk. Oleh itu, waktu siang yang lebih pendek membolehkan Teme untuk berbuka puasa dengan cepat. Perkara ini tidak dinafikan bahawa Allah sentiasa ingin memudahkan perjalanan ibadah hamba-hambaNya itu dengan ketentuan peredaran matahari yang berbeza mengikut musim.

### **Ibadah Sedekah**

Ibn Taymiyyah (1387H) merupakan antara ulama silam yang banyak membincangkan pengertian ibadah secara khusus dan mendalam dalam kitab karangannya iaitu *al-'Ubuliyah*. Beliau juga ada menjelaskan mengenai perkataan ibadah yang merangkumi semua perkara yang disukai dan diredai oleh Allah SWT sama ada dalam bentuk perkataan, perbuatan, zahir mahupun batin. Bercanggah pula dengan pendapat lain yang menyebut bahawa ibadah tidak terbatas kepada syiar-syiar *ta'abbudi* sahaja iaitu ibadah penghambaan yang telah ditetapkan oleh Allah seperti sembahyang, zakat, puasa, haji dan sebagainya, bahkan meliputi kehidupan seluruhnya. al-Qaradawi (1993) turut menambah pendapatnya dalam kitab berjudul *Ibadah dalam Islam* bahawa ibadah itu tidak terkecuali meliputi setiap aktiviti untuk kemajuan hidup dan yang memberi kebahagiaan kepada manusia.

Definisi di atas menjelaskan bahawa ibadah dalam konteks Islam bukan sahaja terhad kepada ibadah khusus seperti solat dan puasa sahaja. Malahan, ibadah itu bersifat menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek lain. Selari dengan pernyataan Kamarul Azmi Jasmi et al. (2017: 10) berdasarkan buku bertajuk *Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang*, semua perkara yang mempunyai hubungan antara makhluk dan pencipta dianggap sebagai ibadat. Justeru, amalan Teme yang sentiasa melazimkan diri untuk menderma wang jika diberi rezeki lebih telah menampilkan pelaksanaan ibadahnya dalam konteks ini. Konsep sedekah sebagaimana yang dijelaskan oleh Md. Shukri (2010: 40) dalam disertasinya bermaksud penyerahan sesuatu hak yang dimiliki oleh seseorang secara sah kepada orang lain semata-mata kerana Allah SWT tanpa mengharapkan sebarang habuan dalam sebarang bentuk seperti wang, makanan dan lain-lain. Dalam karya *Arkitek Jalanan*, situasi dan amalan bersedekah ini ditunjukkan oleh pengarang seperti berikut,

Teme mengeluarkan sekeping not £10 untuk didermakan ke dalam tabung masjid. Perkara ini mustahil untuknya suatu ketika dahulu. Dengan rezeki lebih daripada Allah, kini dia mampu menghulurkan wang sejumlah itu ke dalam tabung masjid. Hatinya berasa lega. Teme nekad, dengan izin Allah, jika diberi lebih rezeki, dia tidak akan lupa untuk mendermakannya ke jalan Allah. Terlintas di sanubarinya perasaan ingin menjadi seorang yang kaya. Baginya, lebih banyak wang, lebih banyak yang boleh diinfakkan. Maka, kualiti ibadahnya akan meningkat (Teme, 2017: 138)

Pada suatu ketika dahulu, Teme pernah mengalami situasi di mana dia kesempitan wang untuk menjalani kehidupan sebagai seorang mahasiswa di kota London. Malahan, perbelanjaan untuk makan minum juga terpaksa disekat disebabkan yuran pengajian yang terpaksa juga ditanggung oleh dirinya sendiri. Apabila kehidupan Teme semakin stabil dengan hasil jualan lukisan bertemakan bangunan-bangunan di kota London, Teme semakin mampu untuk mendermakan wang ke dalam tabung masjid walaupun hanya dengan jumlah yang sedikit. Melalui amalan menderma, ia secara tidak langsung menghadirkan perasaan lega dan tenang dalam diri Teme kerana dapat membantu menyalurkan wang kepada mereka yang lebih memerlukan. Sebagaimana dalam penulisan artikel *Peranan Ibadah terhadap Kesihatan Jiwa*, Mohd Nasir dan Wan Ismail (2013: 7) menyatakan bahawa Allah SWT akan memberikan ketenangan, kententeraman jiwa dan rahmat kepada orang yang bersedekah dan mengeluarkan harta di jalanNya.

Tambahan pula, Bensaid et al. (2013) berdasarkan artikel bertajuk *Ethico-Spiritual Dimensions of Charity: An Islamic Perspective* turut menambah bahawa penghayatan amalan bersedekah yang juga dikenali sebagai ibadah dalam bentuk pemberian harta (amal ibadah *maliyah*) sangat penting untuk diterapkan dalam kalangan generasi muda kerana amalan ini dapat mendidik sikap kesyukuran kepada Allah di samping memupuk sikap kesederhanaan dan belas kasihan sesama manusia. Seperti yang dikatakan D. Hart et al. (2003) juga dalam artikel berjudul *High School Community Service as a Predictor of Adult Voting and Volunteering*, ibadah sedekah yang dilazimi oleh seseorang individu itu penting untuk memberi galakan buat khalayak untuk mula bersedekah sejak dari usia muda lagi supaya menjadi kebiasaan ketika menginjak dewasa kelak. Di samping itu, menerusi amalan sedekah dalam kehidupan juga, Teme membuktikan bahawa dirinya telah berjaya mengaplikasikan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri sebagaimana yang digariskan dalam Teori Takmilah bagi mencapai puncak kesempurnaan sahsiah. Oleh itu, jelaslah sikap bersedekah yang ditunjukkan Teme dalam karya *Arkitek Jalan* banyak memberikan galakan buat diri sendiri juga kepada masyarakat sekeliling untuk terus bersedekah demi membina pembangunan insan.

Di samping itu, matlamat Teme untuk menjadi seorang yang kaya juga berkait rapat dengan tekad di dalam dirinya iaitu dia mahu terus melakukan amal jariah jika rezeki yang diperolehi itu melebihi keperluannya di dunia ini. Mengikuti contoh kehidupan sahabat Nabi SAW iaitu 'Abd al-Rahman ibn 'Awf dalam menjadi seorang jutawan Islam yang kaya-raya, beliau telah banyak menyumbangkan harta ke jalan Allah demi membangunkan Islam. Contoh amal jariah yang pernah dilakukan oleh 'Abd al-Rahman ibn 'Awf dapat dilihat menerusi keratan akhbar dalam ruangan khas mengenai agama seperti berikut,

Antara sahabat yang menginfakkan harta ialah Abdul Rahman yang menghadihkan sebanyak 200 Auqiyah emas (kira-kira 5580 gram emas). Infak Abdul Rahman tidak terhenti di situ. Banyak keadaan menyaksikan Abdul Rahman tampil menyerahkan hartanya ke jalan Allah SWT (Mohd Faiz, 2017).

Barangkali disebabkan ini jugalah Teme ingin mengikuti jejak 'Abd al-Rahman ibn 'Awf dengan menjadi seorang yang kaya seterusnya banyak memberi manfaat buat agama Islam. Teme meyakini bahawa apabila seseorang hamba itu banyak menginfakkan harta ke jalan Islam, lebih banyak rezeki yang akan dilimpahkan buat dirinya di samping ibadah yang dilaksanakan juga akan lebih bertambah kualitasnya. Perkara yang dimaksudkan oleh Teme mengenai peningkatan kualiti ibadah ialah pencapaian konsep *al-itqan* yang dapat difahami sebagai pelaksanaan sesuatu amanah dan tanggungjawab dengan gigih dan bersungguh-sungguh demi mencapai keredhaan Allah. Apabila kualiti ibadah ini telah berjaya dicapai, maka akan terhasillah

kecemerlangan dalam pembinaan sahsiah dan akhlak yang unggul dalam diri Teme (Masitah et al., 2018: 270).

### **Ibadah Kebajikan**

Amalan kebajikan seperti membantu masyarakat yang sedang dalam kesusahan merupakan salah satu perbuatan yang termasuk dalam ruang lingkup ibadah. Teme bersama rakan karibnya Ahmad menyimpan angan-angan untuk menyalurkan sebahagian keuntungan perniagaan dengan membina rumah kebajikan bagi anak-anak yatim pada masa akan datang. Kesungguhan Teme dan Ahmad dapat diperhatikan sebagaimana petikan di bawah,

“Weh, nanti kita buat business sama-sama nak tak, Mad?” “Kita buat business, lepas tu sebahagian besar keuntungan tu kita bina rumah anak-anak yatim.” (Teme, 2016: 181)

Perbuatan santai antara Teme dan Ahmad yang berniat untuk membina rumah anak-anak yatim secara tidak langsung telah dikira sebagai sebuah ibadah kebajikan dan memperoleh pahala walaupun ia masih belum menjadi realiti. Perkara ini dikuatkan lagi dengan pendapat Syed Mohd Jeffri et al. (2014: 103) berdasarkan artikelnya iaitu *Analisis Pandangan Fuqaha terhadap Isu Tadakhul dalam Ibadah Solat* yang mengatakan bahawa niat merupakan kayu ukur kepada perolehan pahala ataupun dosa melalui sesuatu amalan. Allah SWT menetapkan kepada manusia supaya tidak melanggar syariat yang ditetapkan oleh agama Islam dan setiap amalan yang dilakukan hendaklah diniatkan kerana Allah SWT. Setiap perkara yang dimulakan dengan niat akan dikira sebagai ibadah dan akan mendapat keredhaan Allah SWT (Masitah et al., 2018: 270).

Tambahan pula, Teme dan Ahmad berhasrat untuk menggunakan sebahagian besar keuntungan perniagaan semata-mata bagi pembinaan dan kegunaan rumah kebajikan tersebut. Dalam sebuah penulisan artikel berjudul *Konsep Kebajikan (al-Birr) dalam al-Qur'an: Suatu Analisis QS. al-Baqarah/2: 177* karangan Dudung Abdullah (2015: 194), berinfak dengan harta yang dicintai dan bermanfaat merupakan amal perbuatan yang sunat dan terkandung dalam perkara kebajikan (*al-Birr*). Walaupun sekadar angan-angan yang masih belum tercapai, namun matlamat sedemikian perlulah diterapkan dalam diri setiap individu khususnya yang bergelar Muslim supaya umat Islam lebih gigih berusaha untuk mencapai tekad yang telah ditetapkan.

Selain itu, penghayatan ibadah melalui pelaksanaan kebajikan sesama insan juga telah diketengahkan oleh penulis berdasarkan watak sampingan yang bernama Ash. Amalan kebajikan yang dotonjolkan oleh Ash dapat dilihat melalui petikan di bawah,

Mujurlah dia ada baju sejuk yang dipinjamkan oleh Abang Ash, senior yang menjemputnya di lapangan terbang tempoh hari. Baju sejuk kalis air dan muat-muat dengan saiz badan Teme. Moga abang Ash peroleh pahala setiap kali baju ini memanaskan badan hamba Allah yang lain (Teme, 2016: 137).

Disebabkan keadaan Teme yang agak kesempitan wang ketika mula-mula menjejakkan kaki di Kota London, dia tidak mampu untuk membeli baju sejuk untuk dipakai ketika musim sejuk. Namun demikian, Allah telah mengurniakan seorang insan yang amat bermurah hati kepada Teme kerana sanggup meminjamkan baju sejuk kepadanya. Kemurahan hati Abang Ash seperti yang disebut oleh Teme memberi contoh kepada pembaca bahawa pertolongan sesama insan di atas muka bumi ini termasuk dalam konsep kebajikan ataupun filantropi di bawah aspek amal ibadah. Filantropi pada kebiasaannya dikaitkan dengan perkara-perkara ibadah seperti sedekah, khairat, infak,

wasiat, zakat dan wakaf di samping kesemua amalan ibadah ini termasuk di bawah topik-topik *fiqh* (Wan Mohd Yusof et al., 2018: 13). Secara etimologinya, perkataan filantropi bermaksud 'cinta kepada kemanusiaan' yang mana pada asalnya, ia merujuk kepada gabungan dua perkataan bahasa Greek '*phil*' yang berarti cinta dan '*antropos*' yang bermaksud manusia. Dalam konteks situasi Teme ini, sumbangan baju sejuk yang diberikan oleh Abang Ash dikira sebagai sumbangan yang memberi manfaat khas buat hamba Allah untuk memanaskan badan. Menurut Wan Mohd Yusof et al. (2018: 22) menerusi artikel jurnal *Filantropi: Satu Sorotan dari Sudut Hukum Taklifi*, manfaat khas ini kelihatan hampir sama dengan penggunaan istilah amal kebajikan dalam masyarakat Islam disebabkan amalan ini yang diakui sebagai suatu yang baik dalam filantropi moden mahupun Islam.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aspek akidah memainkan peranan yang amat penting dalam hala tuju hidup muslim khususnya dalam mencapai konsep pembangunan insan. Jika kita kembali kepada ajaran Islam, pembangunan insan itu bermula dengan membina akidah yang betul. Justeru itu, akidah merupakan tunjang utama bagi membina insan berkualiti. Ilmu yang mengajar manusia mengenai kepercayaan yang wajib dimiliki oleh setiap orang di dunia adalah melalui ilmu akidah. Menanam keyakinan terhadap Allah SWT sebagai tuhan yang satu telah dijelaskan kepada manusia melalui akidah tauhid di dalam al-Qur'an (Zaharah et al., 2015: 79). Apabila asas kepercayaan terhadap Allah semakin kuat dan stabil, maka secara tidak langsung akan lahir nilai-nilai murni dan kesempurnaan sahsiah sesuai dengan prinsip dalam Teori Takmilah iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri.

Manakala konsep pembangunan insan yang dicapai oleh seseorang individu melalui aspek penghayatan ibadah pula terletak pada kedudukan kedua terpenting selepas pengukuhan akidah. Hal ini kerana pelaksanaan ibadah sama ada secara perkataan, perbuatan mahupun pemberian harta merupakan cara bagi membuktikan kesempurnaan akidah yang dizahirkan secara amalan fizikal. Tidak dapat dinafikan bahawa ibadah itu mencakupi makna yang luas dan bukan sekadar pada waktu tertentu sahaja. Bahkan ibadah solat, puasa, amalan kebajikan termasuk juga sedekah perlulah dihayati secara praktikal dan seseorang insan juga disarankan untuk mencari hikmah yang tersembunyi di sebaliknya. Kesemua ibadah tersebut secara tidak sedar akan memberi kesan yang positif terhadap pembangunan sahsiah dalam ruang lingkup kehidupan insan di muka bumi ini.

Sebagaimana pemikiran dan tindakan Teme Abdullah sebagai seorang pengkarya yang sentiasa ingin membangun dan mengubah dirinya ke arah kebaikan, beliau telah berusaha menerapkan segala syariat Islam menerusi aspek akidah dan ibadah ini seterusnya mengaplikasikan kedua-dua aspek tersebut dalam segenap kehidupannya. Jika diperhatikan dengan lebih teliti, konsep pembangunan insan yang sentiasa mengiringi diri penulis berdasarkan karya-karyanya sememangnya amat berkait rapat dengan fungsi bagi prinsip yang keenam dalam Teori Takmilah iaitu Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri. Hal ini kerana bagi membangunkan diri seseorang insan itu, seorang pengkarya perlulah mencapai kesempurnaan sahsiah menerusi perubahan dirinya ke arah kebaikan. Oleh yang demikian, hubung kait antara kedua-dua perkara ini telah membawa kepada penganalisaan bagi cara seseorang pengkarya itu mencapai kesempurnaan keperibadian terutama menerusi aspek akidah dan ibadah.

Tuntasnya, konsep pembangunan insan yang berhubung kait dengan Prinsip Pengkarya Mengistikmalkan Diri seperti yang digariskan dalam Teori Takmilah merupakan antara kajian yang besar dan penting bagi cabang sastera Islam. Buktinya, karya sastera kembara kontemporari yang cukup popular sebagaimana yang telah



dihasilkan oleh Teme Abdullah ini berjaya mengangkat kedua-dua buah karya tersebut sebagai sebuah karya sastera Islam. Tambahan pula, pengistikmalan diri seorang pengkarya sememangnya memberikan dampak yang positif terutama dalam proses menghasilkan sebuah karya yang selari dengan citra keislaman. Hal ini kerana pengkarya perlulah mengambil langkah pertama untuk menerapkan sebanyak mungkin ilmu pengetahuan mahupun menyemai akhlak-akhlak mulia dalam dirinya agar setiap kebaikan yang dilakukan mampu disalurkan untuk penghasilan sebuah karya yang cukup sempurna.

Kajian berkenaan dengan analisis Teori Takmilah sebagai teori sastera Islam ini diakui semakin tidak asing lagi di Malaysia lantaran pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh para pengkaji untuk mengangkat teori bercitrakan keislaman ini dalam beberapa karya sastera yang telah diterbitkan. Namun demikian, masih terdapat lagi kekosongan yang boleh diisi oleh para pengkaji di luar sana khususnya dalam mengangkat dan membahar isu-isu berkaitan dengan bidang kajian sastera Islam. Dalam konteks ini, kajian secara terperinci berkenaan dengan prinsip-prinsip lain dalam Teori Takmilah dirasakan perlu untuk diketengahkan oleh pengkaji-pengkaji lain demi membuktikan bahawa karya Teme Abdullah sememangnya mematuhi setiap prinsip yang telah dikemukakan tidak kira dari aspek ketuhanan, kerasulan, keislaman, keilmuan, kesusasteraan, karya, pengkarya dan khalayak. Oleh itu, diharapkan agar bidang kajian tentang sastera Islam dapat diperluas dan dilakukan secara lebih terperinci khususnya di Malaysia demi kemaslahatan masyarakat bersama.

## RUJUKAN

*al-Qur'an al-Karim.*

- Aat Hidayat. (2017). Psikologi dan Kepribadian Manusia: Perspektif al-Qur'an dan Pendidikan Islam. *Jurnal Penelitian*. 11(2), 467-486.
- Abd Misno. (2020). Analisis Pendidikan Islam dalam Puasa Ramadhan. *AL-MURABBI: Jurnal Studi Kependidikan dan Keislaman*. 7(1), 64-77.
- Abdullah Abdul Rahman. (2006). Black Metal: Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Islam. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 19, 143-151.
- Abdullah, Dudung. (2015). Konsep Kebajikan (al-Birr) dalam al-Qur'an: Suatu Analisis QS. al-Baqarah/2: 177. *Jurnal Hukum Pidana & Ketatanegaraan*. 4(1), 192-196.
- Ahmad Hisham Azizan. (2009). Solat dan Nilai-nilai Spiritual dalam Menangani Gelisah dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Asmaran. (2002). *Pengantar Studi Akhlak*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Azman Bado, Abu Hassan Abdul & A. Halim Ali. (2018). Unsur-Unsur Akidah dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa. *Jurnal Peradaban Melayu*. 13, 58-70.
- Bensaid, B., Grine, F., Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Yakub Zulkifli Mohd Yusoff. (2013). Ethico-Spiritual Dimensions of Charity: An Islamic Perspective. *Middle-East Journal of Scientific Research*. 13(2), 171-182.
- al-Bihi, Muhammad. (1986). *al-Quran wa al-Mujtama'*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ayyuha al-Walad*. al-Qahirah: Dar al-Tawzi' wa al-Nasr al-Islamiyyah.
- Hart, D., Donnelly, T.M., Youniss, J. & Atkins, R. (2007). High School Community Service as a Predictor of Adult Voting and Volunteering. *American Educational Research Journal*. 44(1), 197-219.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. (1969). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 1. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Manzur, Muhamamd ibn Mukarram. (1956). *Lisan al-'Arab*. Jil. 61. Bayrut: Dar Sadir.

- Ibn Taymiyyah & Muhammad ibn 'Abd al-Wahhab. (t.th). *Majmu'at al-Tawhid*. al-Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad 'Abd al-Halim. (1387H). *al-'Ubudiyyah*. t.tp.: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Kamarul Azmi Jasmi, Siti Fauziyani Md. Saleh @ Masrom & Siti Suraini Razali. (2017). Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang. Dlm. *Remaja Hebat Siri 2: Akhlak sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim*, hlm. 1-18.
- Kasmaizun Enuni Mohd Sarji & Kamariah Kamarudin. (2017). Nilai Islam dalam Teks Misa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 5(1), 101-125.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2007). Penghayatan Aqidah dalam Kalangan Remaja, Satu Kajian. Dlm. Kamarudin Salleh, Mazlan Ibrahim dan Indriaty Ismail (pnyt.). *Islam di Malaysia Pasca Kemerdekaan* (hlm. 151-162). Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khasanah, Faridatul. (2018). Nilai-nilai Pendidikan Akidah dalam Novel Hati yang Selalu Bergetar Karya Andi Bombang. Skripsi Sarjana tidak diterbitkan, Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, Institut Agama Islam Negeri Surakarta, Jawa Tengah.
- Masitah Idris, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Ahmad Sunawari Long & Nozira Salleh. (2018). Kualiti Kerja menurut Perspektif Islam. *Proceedings 3rd International Seminar on Islamic Thought 2018*, hlm. 269-279.
- Md. Shukri Ahmad. (2010). Kefahaman Masyarakat Islam terhadap Keutamaan Melaksanakan Umrah Berulang Kali Berbanding Amalan Bersedekah: Kajian di Daerah Kubang Pasu, Kedah. Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Jabatan Fiqh dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Kamil Ab Majid & Muhammed Yusof. (2008). Ke Arah Memperkasakan Islamisasi Seni Muzik sebagai Satu Alternatif: Satu Pengamatan Awal. *Jurnal Hadhari. Edisi Khas*, 105-121.
- Mohd Faiz Othman. (2017). Kehebatan Jihad Harta Abdul Rahman Auf. *Berita Harian*, 26 April.
- Mohd Nasir Masroom & Wan Ismail Wan Dagang. (2013). Peranan Ibadah terhadap Kesihatan Jiwa. *Prosiding Seminar Falsafah Sains dan Teknologi 2013*, hlm. 1-9 .
- Muhammad Aiman al-Zuhairi. (2008). *Rahsia Mencapai Khusyuk dalam Solat*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- al-Muhasibi. (1984). *Fahm al-Salah*. al-Qahirah: Maktabah al-Qur'an.
- Mulvey, Laura. (1975). *Visual Pleasure and Narrative Cinema. Film Theory and Criticism: Introductory Readings*. Leo Braudy and Marshall Cohen (pnyt.). New York: Oxford University Press.
- Noor Hidayah Mohd Zulkifli. (2013). Penentuan Waktu Solat Isyak dan Subuh dalam Kapal Terbang Menggunakan Sky Quality Meter-Lens USB (SQM-LU): Kajian bagi Carta Perjalanan Kapal Terbang Malaysia Airlines (MAS). Disertasi Sarjana tidak diterbitkan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nur Hidayat. (2015). *Akidah Akhlak dan Pembelajarannya*. Yogyakarta: Ombak.
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah dalam Cerpen-cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8(2), 49-59.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1993). *Ibadah dalam Islam*. Terj. Abu Asma Anshari. Kuala Lumpur: Pustaka Shuhada.
- Ritaudin, M. Sidi. (2015). Dar al-Harb dan Dar al-Islam: Dwpolar Politik Islam. *Kalam: Jurnal Studi Agama dan Pemikiran Islam*. 9(2), 287-304 .
- Rosa, Helvy Tiana. (2003). *Segenggam Gumam*. Bandung: PT Syaamil Cipta Media.
- al-Sharbini, Muhammad ibn Ahmad. (1940). *al-Iqna' fi Hal Alfaz Abi Shuja'*. Jil. 1. al-Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.

- al-Sharbini, Muhammad ibn Ahmad. (t.th). *Mughni al-Muhtaj: Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil. 1. al-Qahirah: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Siti Sa'adiyah Shafik & Nor Suhaily Abu Bakar. (2009). Tauhid Membina Keutuhan Akidah Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 2, 81-101.
- Siti Yumnah & Abdul Khakim. (2019). Konsep Dzikir menurut Amin Syukur dan Relevansinya dengan Tujuan Pendidikan Islam. *Jurnal Lisan al-Hal*. 13(1), 97-118.
- Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar, Saadan Man, Muhammad Ikhlas Rosele & Mohd Anuar Ramli. (2014). Analisis Pandangan Fuqaha terhadap Isu Tadakhul dalam Ibadah Solat. *Ulum Islamiyyah Journal*. 14, 99-112.
- Teme Abdullah. (2016). *Pelukis Jalanan*. Selangor: Iman Publication Sdn. Bhd.
- Teme Abdullah. (2017). *Arkitek Jalanan*. Selangor: Iman Publication Sdn. Bhd.
- Wan Mohd Yusof Wan Chik, Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Syed Mohd Azmi Syed Ab Rahman & Abdullah Alqari Mohd Zabudin. (2018). Filantropi: Satu Sorotan dari Sudut Hukum Taklifi. *Asian People Journal (APJ)*. 1(1), 12-27.
- Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Zai Hazreen Ab Malik, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Nurulrabihah Mat Noh. (2015). Pembangunan Akhlak dan Moral ke Arah Masyarakat Lestari. *al-Hikmah*. 7(2), 72-87.
- Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid & Abdul Halim Ali. (2020). Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*. 8(2), 16-27.
- Zulkiple Abd. Ghani & Nor Salimah Abu Mansor. (2006). Penghayatan Agama sebagai Asas Pembangunan Pelajar: Analisis terhadap Beberapa Pandangan al-Imam al-Ghazali. *Kertas Kerja National Student Development Conference (NASDEC) 2006*, 8 & 9 August, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Zunaidah Zainon. (2006). Sastera Islam berasaskan Teori Takmilah. *Utusan Malaysia*, 1 Ogos: 18.